

Hari Isnin
27 Mei 1996



**LAPORAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEMBILAN
*NINTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG***

PENGGAL YANG KEDUA

SECOND SESSION

MESYUARAT YANG PERTAMA

FIRST MEETING

Hari Isnin
27 Mei 1996

LAPORAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEMBILAN

NINTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETUA
SECOND SESSION

MESYUARAT YANG PERTAMA
FIRST MEETING

Kandungan

Muka Surat

**Ucapan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua
Negeri Pulau Pinang**

3

Laporan Persidangan

DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG YANG KESEMBILAN

MESYUARAT YANG PERTAMA
PENGKAL YANG KEDUA

Hari Isnin, 27 Mei 1996

*(Tempat: Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)*

HADIR:

- Yang Berhormat Dato' Speaker (Dato' Haji Yahaya b. Abdul Hamid) - Ahli Kawasan Pinang Tunggal
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) - Ahli Kawasan Tanjung Bunga
- Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri (Dato' Haji Mohd. Shariff b. Haji Omar) - Ahli Kawasan Permatang Berangan
- " " Setiausaha Kerajaan Negeri (Dato' Mohd. Noor b. Abdul Rahim)
- " " Penasihat Undang-undang Negeri (Puan Alizatul Khair bt. Osman Khairuddin)
- " " Pegawai Kewangan Negeri (Dr. Arshad b. Hashim)
- " " Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen)
- " " Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
- " " Telok Bahang (Dr. Hilmi b. Haji Yahaya)
- " " Sungai Pinang (Dr. Kang Chin Seng)
- " " Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dato' Abdul Latiff b. S. Mirasa)
- " " Ahli Kawasan Perai (Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)
- " " Ahli Kawasan Machang Bubok (Dr. Toh Kin Woon)
- " " Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Koay Kar Huah)
- " " Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Abdul Rashid

- b. Abdullah)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Dato' Liong Ah Sow @ Liang Thau Sang)
- " " Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Ahmad b. Saad)
- " " Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Lim Chien Aun)
- " " Ahli Kawasan Penaga (Encik Azhar b. Ibrahim)
- " " Ahli Kawasan Kebun Bunga (Dr. Teng Hock Nan)
- " " Ahli Kawasan Paya Terubong (Dr. Loh Hock Hun)
- " " Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Puan Jahara bt. Hamid)
- " " Ahli Kawasan Datok Keramat (Encik Lim Boo Chang)
- " " Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Lee Hack Teik)
- " " Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Syed Amerruddin b. Dato' Syed Ahmad)
- " " Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Teng Chang Yeow)
- " " Ahli Kawasan Jawi (Puan Tan Cheng Liang)
- " " Ahli Kawasan Bertam (Encik Hilmi b. Haji Abdul Rashid)
- " " Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Gim Soon)
- " " Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Ooi Theng Bok)
- " " Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Daud b. Taha)
- " " Ahli Kawasan Sungai Puyu (Encik Loo Ah Dee @ Lee Ah Lee)
- " " Ahli Kawasan Air Itam (Encik Lye Siew Weng)
- " " Ahli Kawasan Sungai Dua (Encik Jasmin b. Mohamed)
- " " Ahli Kawasan Berapit (Encik Lau Chiek Tuan)
- " " Ahli Kawasan Batu Lanchang (Puan Chong Eng)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Cik Tan Lee Lee)

Dewan bersidang pada jam 9.45 pagi.

DOA.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini, 27 Mei 1996 sebagai hari permulaan Mesyuarat Pertama Pengal Yang Kedua, Dewan Undangan Negeri Yang Kesembilan melalui satu perisytiharan bertarikh 10 April 1996 yang diwartakan pada 25 April 1996. Tuan Yang Terutama Tun akan tiba di Dewan ini sebentar lagi untuk menyampaikan ucapan kepada Dewan.

Setiausaha Dewan:

Ketibaan Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan. Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri.

UCAPAN OLEH TUAN YANG TERUTAMA YANG DI PERTUA NEGERI

Yang Berhormat Dato' Speaker

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang
Tan Sri Dr Koh Tsu Koon

Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang
Dato' Mohd Shariff bin Haji Omar

Yang Ariff Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

1. Saya dengan rendah diri ingin melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, saya dapat menyampaikan ucapan di majlis ini sempena Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kesembilan pada hari ini. Lebih setahun telah berlalu semenjak Kerajaan Negeri sekarang diberi mandat besar oleh rakyat negeri ini untuk terus memimpin dan mentadbir negeri kita ini. Saya berasa gembira kerana di bawah pemerintahan Kerajaan sekarang, Negeri Pulau Pinang terus aman dan maju. Saya percaya

bahawa semua Ahli Yang Berhormat telah, sedang dan akan terus berkhidmat dengan berdedikasi dan berkesan demi kepentingan dan kebajikan rakyat jelata. Saya juga yakin bahawa Dewan yang indah ini selepas kerja renovasi akan mempunyai suasana yang lebih selesa bagi semua Ahli Yang Berhormat berbincang dan berunding untuk terus memajukan Negeri Pulau Pinang.

RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH

2. Tahun 1996 merupakan satu tahun yang penting bagi seluruh negara Malaysia dan juga Negeri Pulau Pinang kerana ianya menandakan penamatan Rancangan Malaysia Keenam (RM-6) dan permulaan Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) yang baru-baru ini diumumkan oleh YAB Perdana Menteri kita. Oleh itu, adalah amat tepat dan sesuai sekali bagi kita menilai prestasi Negeri kita dalam RM-6 serta merumuskan program pembangunan serta prospek dan potensi ekonomi bagi tempoh RM-7. Dalam RM-7, di antara matlamat-matlamat yang hendak dicapai dalam lima tahun yang akan datang ialah mengalihkan ekonomi daripada pertumbuhan yang *input-driven* kepada pertumbuhan *productivity-driven*; memajukan suatu sektor perkhidmatan yang moden, dinamik dan berorientasikan eksport; memperkukuhkan sains and teknologi, mempergiatkan penyelidikan dan pembangunan serta memajukan teknologi maklumat; memastikan pembangunan berterusan; meletakkan usaha-usaha yang lebih gigih ke atas pengagihan pendapatan yang lebih setara dan menangani masalah-masalah sosial yang makin bertambah akibat pertumbuhan yang pesat. Kerajaan Negeri menyokong dengan sepenuhnya kesemua matlamat ini dan akan berusaha gigih untuk membantu mencapainya.
3. Di bawah RM-6, Negeri Pulau Pinang telah diperuntukkan sebanyak RM1,672 juta bagi 210 projek. Sebanyak RM1,451 juta telah dibelanjakan yang menunjukkan prestasi sebanyak 86 peratus berbanding dengan 66 peratus bagi Rancangan Malaysia Kelima. Bilangan projek yang telah dapat disempurnakan ialah 147, yang masih dalam perlaksanaan ialah 55 dan tidak dapat dilaksanakan ialah 8. Oleh itu, prestasi dari segi perlaksanaan projek ialah 96 peratus. Di bawah RM-7, Negeri Pulau Pinang diperuntukkan sebanyak RM1,968 juta yang merupakan peningkatan sebanyak RM296 juta atau 18 peratus, berbanding dengan RM-6. Peruntukan bagi negeri kita merupakan 2.9 peratus dari jumlah peruntukan

pembangunan sektor awam seluruh negara, sama dengan peratusan di bawah RM-6. Peruntukan ini tidak termasuk peruntukan am yang diklasifikasikan sebagai pelbagai negeri (*multi-state*).

PEMBANGUNAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

4. Pihak Kerajaan penuh sedar bahawa kemudahan infrastruktur yang mencukupi adalah asas bagi pembangunan ekonomi yang berterusan. Oleh itu, perhatian dan penumpuan akan terus diberi terhadap pembangunan infrastruktur. Projek-projek infrastruktur raksasa yang telah dapat disempurnakan di bawah RM-6 termasuk Lebuhraya Utara-Selatan dan Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), Dermaga Ketiga dan Dermaga Kargo Berbahaya di Pengkalan Kargo Pukal Perai, manakala yang dimulakan termasuk Lebuhraya Timur-Barat yang dijangka siap pada bulan Ogos tahun ini.
5. Di antara projek-projek yang besar yang akan dilaksanakan di bawah RM-7 termasuk Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR) dan Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR). Perundingan sedang diadakan untuk menetapkan butir-butir bagi melaksanakan kedua-dua projek ini melalui penswastaan. Disamping itu, jejambat atau jalan bawah akan dibina di beberapa persimpangan untuk mengatasi masalah kesesakan trafik, antaranya ialah di persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah dan Jalan Aziz, Jalan Air Itam, di Bulatan Bayan Baru, di persimpangan Jalan Masjid Negeri dan di Bulatan Bukit Tengah, dan di Lintasan Kereta Api Valdor. Sementara itu, beberapa Jalan Persekutuan akan juga dilebar dan dinaik taraf, iaitu Jalan Tanjong Tokong-Tanjong Bunga dari bulatan Bagan Jermal dan Kelawai sehingga Mar Vista dan Jalan Route One dari Bulatan Bukit Tengah ke Jambatan Pulau Pinang. Untuk melicinkan pengangkutan kontena antara stesyen Kereta Api Tanah Melayu dan NBCT sambungan rel ke terminal NBCT akan juga dilaksanakan.
6. Peruntukan RM-7 bagi kemudahan infrastruktur tersebut tidak mengambil kira pelaksanaan projek pembesaran dan peningkatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, termasuk pembinaan kompleks kargo kedua yang lengkap dengan kawasan pemakiran untuk tiga pesawat. Pelabuhan Pulau Pinang akan dibangunkan lagi dengan projek pembesaran fasa kedua NBCT yang sekarang berada dalam peringkat perancangan untuk menambah tambatan sepanjang

250 meter dan menebusguna tanah seluas 100 hektar pada tahun 1998. Sementara itu, jambatan penghubung kedua sedang dalam proses pembinaan di Pengkalan Kargo Perai dan dijangka siap pada bulan Januari tahun hadapan.

7. Syarikat Tenaga Nasional Berhad telah merancang untuk membelanjakan sejumlah RM1.7 billion bagi projek-projek penjanaan, penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik dalam tempoh masa tahun 1995 sehingga tahun 1997 untuk menyediakan bekalan elektrik yang berdayaharap selaras dengan kehendak pengguna. Projek-projek yang sedang dilaksanakan termasuk menubuhkan pencawang masuk utama dan pencawang pembahagian utama, merentang kabel-kabel, menggantikan peralatan suis yang lama dan meningkatkan keupayaan alatubah. Perhatian yang teliti telah diambil oleh pihak PBA dalam memastikan bahawa keperluan bekalan air adalah sentiasa mencukupi. Dalam perkara ini, selain daripada projek-projek bekalan air Telok Bahang, skim Sungai Prai, dan projek pemasangan paip induk dari Sungai Dua ke Butterworth, tindakan segera telah diambil untuk memasang sepasang paip dasar laut di antara Butterworth dan Pengkalan Weld untuk menambahkan saluran pengagihan bekalan air dari Seberang Perai ke Pulau Pinang.
8. Dalam bidang telekomunikasi, usaha sedang diteruskan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang canggih termasuk kabel optik fibre. Pada masa ini, empat ibusawat lagi sebagai tambahan kepada 27 ibusawat telefon sedang dirancang dan dijangka akan mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1997 dan siap menjelang tahun 2000. Disamping itu, Syarikat Telekom akan melancarkan kabel dasar laut daripada Ibusawat Bayan Baru ke Ibusawat Bukit Tengah yang dijangka siap pada bulan September tahun 1996. Laluan kedua ini akan bertindak untuk menyokong kepada talian sedia ada. Kerajaan sedang mempertimbangkan satu cadangan untuk mengatasi masalah pengorekkan jalan yang berulang-ulang kali oleh beberapa agensi Kerajaan dan syarikat telekomunikasi melalui satu sistem sesalur bersepadu. Disamping itu, sistem maklumat kemudahan awam berkomputer sedang juga diteliti untuk mewujudkan pengkalan data saluran telekomunikasi sebagai pusat rujukan bagi pihak-pihak yang memberi perkhidmatan utiliti.

PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN

9. Sektor pembuatan tetap merupakan sektor yang amat dinamik dalam ekonomi Negeri kita. Prestasi pelaburan perindustrian pada tahun 1995 adalah amat menggalakkan, di mana 73 buah projek mengesahkan pembelian tanah perindustrian PDC dengan pelaburan sebanyak RM1,360 juta dan 7,000 pekerjaan, berbanding dengan 53 projek dengan pelaburan RM630 juta dan 4,600 pekerjaan bagi tahun 1994. Bagi suku pertama tahun ini, terdapat 10 projek dengan pelaburan sebanyak RM53 juta dan pekerjaan 530, berbanding dengan 14 projek dengan pelaburan RM103 juta dan 1,770 pekerjaan bagi tempoh yang sama dalam tahun 1995. Walaupun angka-angka ini menunjukkan penurunan sedikit, tetapi suasana pelaburan masih sihat kalau dibandingkan dengan tahun 1994. Disamping itu, impak dari tambahan pelaburan atau reinvestment yang dibuat oleh kilang-kilang yang sedia ada dalam dua-tiga tahun kebelakangan ini akan berhasil pada tahun ini dan tahun hadapan. Oleh itu, momentum pertumbuhan sektor perindustrian dijangka akan dapat diteruskan.
10. Berhubung dengan pembangunan perindustrian, RM-7 telah mengenalpastikan beberapa cabaran yang sedang muncul yang akan dihadapi oleh ekonomi negara kita dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Ada di antara cabaran-cabaran ini yang relevan kepada Negeri Pulau Pinang, seperti pasaran buruh yang ketat, persaingan yang makin hebat lantaran daripada proses globalisasi; pentingnya keupayaan teknologi tempatan dipertingkatkan dan perlunya usaha untuk menjamin pertumbuhan yang berterusan. Sebenarnya, sejak tahun 1991, Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat memandang berat akan cabaran-cabaran ini. Suatu Pelan Pembangunan Strategik Pulau Pinang telahpun dirumuskan untuk menghadapi kesemua cabaran ini, untuk membuat pengubahsuaian pendekatan dari semasa ke semasa, mempertingkatkan daya saingan kita sebagai sebuah pusat pelaburan, khasnya pelaburan berteknologi tinggi, serta memajukan negeri ini sebagai pusat eksport ke pasaran antarabangsa yang makin berkembang.
11. Selaras dengan strategi baru di bawah RM-7 untuk menggalakkan pertumbuhan yang *productivity-driven*, penggunaan teknologi tinggi, automasi dan operasi-operasi yang menjimatkan buruh akan ditekankan. Pendekatan ini memang telah diamalkan di Negeri Pulau Pinang dalam beberapa tahun kebelakangan ini, selaras dengan Pelan

Pembangunan Strategik kita. Strategi ini merupakan suatu respons yang berdaya maju bagi menghadapi dan menangani beberapa kekangan yang dihadapi oleh Negeri kita, seperti sumber asli dan tanah yang amat terhad serta keadaan pasaran buruh yang ketat. Usaha-usaha bersepadu telahpun diambil bagi mempercepatkan pembangunan sumber manusia; memperkukuhkan sains dan teknologi (S&T); mempromosikan teknologi maklumat (IT) dan menjanakan suatu sektor perkhidmatan yang berorientasikan eksport. Usaha-usaha ini akan memastikan bahawa sektor perindustrian negeri kita akan menjadi sektor yang amat berintensif modal, berintensif kemahiran dan berintensif ilmu.

12. Pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) menjadi pokok kepada pertumbuhan sektor perindustrian pada masa hadapan. Walaupun PDC dan PERDA merupakan agensi-agensi awam yang memerintis dalam pembinaan tapak-tapak dan kilang-kilang IKS, sektor swasta yang telah dan dijangka akan terus memberi sumbangan yang positif untuk menggalakkan rangkaian (linkage) yang lebih bermakna dan berfaedah di antara syarikat-syarikat multi-national dan syarikat-syarikat IKS. *Program Vendor Net* telah dilancarkan baru-baru ini untuk menggalakkan proses transformasi industri ke teknologi tinggi dan penyertaan Bumiputera dalam bidang ini. Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah tabung modal untuk memajukan pelaburan tempatan dalam projek-projek pembuatan berteknologi tinggi, serta mempercepatkan penyertaan kaum Bumiputera dalam sektor pembuatan dan juga menggalakkan usahasama di antara kaum Bumiputera dan bukan-Bumiputera. Pada peringkat permulaan, tabung ini akan mempunyai dana sebanyak RM50 juta.

KERJASAMA SERANTAU, PERDAGANGAN DAN PELANCONGAN

13. Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri kecil yang memiliki sumber-sumber yang terbatas. Agar Pulau Pinang dapat terus bertumbuh dengan pesat, maka ianya harus meluas dan memperkembangkan daerah pedalaman (hinterland). Oleh yang demikian, usaha-usaha bagi mempromosikan kerjasama serantau dan antarabangsa akan dilanjutkan. Sebagai sebahagian daripada kerjasama IMT-GT, pelan PDC hendak memaju dan menguruskan sebuah kawasan perindustrian di Medan akan dilancarkan secara rasmi pada bulan hadapan. Industri-industri yang

berintensif buruh akan dipindahkan dari Pulau Pinang ke sana. Pada masa yang sama, PDC merancang akan membangunkan sebuah kawasan perindustrian di Bangalore, India. Talian dengan Bangalore akan membolehkan kita menggunakan keupayaan kejuruteraannya yang amat besar. Projek Medan dan Projek Bangalore dijangka akan membantu mengatasi keadaan tenaga manusia kita yang ketat. Dengan pengujudan dua Zon Bebas (*Free Zone*), satu di Pelabuhan Dermaga Dalam Butterworth dan satu lagi di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, imej dan daya persaingan (*competitiveness*) Negeri Pulau Pinang sebagai pusat wilayah perkhidmatan dan perdagangan, khusus dalam kontek kawasan IMT-GT, akan terus meningkat.

14. Satu rombongan perdagangan akan membuat lawatan ke Australia pada bulan depan, sedangkan suatu rombongan dari Pulau Pinang akan mengambil bahagian dalam Pesta Pulau Pinang (*Penang Fair*) di Kanagawa, Jepun pada bulan November, untuk merayakan ulangtahun kelima kewujudan negeri berkembar antara Kanagawa dan Pulau Pinang. Sempena perayaan ini, seminar promosi akan diadakan untuk menarik pelaburan, menggalakkan perdagangan dan mempromosikan pelancongan. Di samping itu, Kerajaan Negeri sedang memperkukuhkan kerjasama dengan negeri-negeri Malaysia yang lain, selain daripada jiran-jiran kita di Wilayah Utara. Usahasama antara Pulau Pinang dan Sarawak dalam pembangunan perindustrian dan pelancongan telah dipertingkatkan dengan pelancaran penerbangan secara langsung antara Pulau Pinang dan Kuching. Suatu rombongan pelaburan dari Pulau Pinang telah melawat Terengganu baru-baru ini untuk menerokai dan mempromosikan beberapa bidang ekonomi untuk pelaburan dan kerjasama bersama. Semua strategi ini dijangka akan mempertingkatkan lagi sinergi antara Pulau Pinang dan lain-lain kawasan, sekaligus membuka lebih banyak peluang yang baik bagi rakyat Pulau Pinang.
15. Sektor pelancongan negeri ini terus berkembang pada tahun 1995. Bilangan pelawat meningkat sedikit ke 3.4 juta orang berbanding dengan 3.2 juta orang pada tahun 1994. Ini menunjukkan bahawa peningkatan yang besar pada tahun 1994, hasil dari pembukaan Lebuhraya Utara-Selatan, telah dapat dikekalkan, walaupun destinasi-destinasi baru yang lain telah muncul di rantau ini. Sebenarnya, Kerajaan Negeri menganggap destinasi-destinasi jiran, seperti Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan lain-lain dalam IMT-GT

sebagai saling menggenapi (*complementary*) dan bukanlah saling bersaing (*rivalry*). Usaha akan terus dibuat untuk mempertingkatkan promosi pelancongan secara kerjasama. Bagi negeri ini, penekanan akan diberi terhadap pelancongan budaya (*cultural tourism*), pelancongan asas tani (*agro-tourism*) dan pelancongan ekologi (*eco-tourism*). Di samping itu, usaha untuk memajukan Pulau Pinang sebagai pusat MICE atau Persidangan, Pelancongan Insentif, Konvensyen dan Pameran telah mulai berhasil dan akan diteruskan.

TEKNOLOGI, PENDIDIKAN DAN LATIHAN

16. Satu cabaran utama masa depan yang telah dikenalpastikan dalam RM-7 ialah bagaimana dapat memajukan dengan cepatnya keupayaan teknologi tempatan melalui pendidikan dan latihan. Dalam hal ini, Pulau Pinang telah memainkan peranan yang perintis dan penting dengan kejayaan Pusat Kemajuan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) sebagai model yang boleh diteladani. Rancangan memperkembangkan PSDC dan menubuhkan sebuah kampus cawangan di Seberang Perai sedang dilaksanakan, di mana Kerajaan Persekutuan telah bersetuju memperuntukkan RM13 juta di bawah RM-7. Di bawah RM-7 juga, empat buah institusi pendidikan tinggi akan siap dibina, yang akan menekankan latihan teknik, iaitu sebuah politeknik baru dan sebuah kampus cawangan ITM di Seberang Jaya, Institut Teknik Jepun-Malaysia di Bukit Minyak dan Kolej TAR di Tanjung Bunga.
17. Sementara itu, sektor swasta terus memainkan peranan yang penting secara gigih. Kolej Adorna-RMIT di Jawi telah memulakan operasinya, sedangkan kolej-kolej swasta yang lain, seperti Kolej Antarabangsa Pulau Pinang dan Kolej Disted sedang memperkembangkan program-program mereka. Kolej Perubatan Pulau Pinang, yang mengadakan suatu rancangan ijazah berkembar dengan beberapa buah institusi pengajian perubatan di Ireland, telah mula mengambil pelajar-pelajar bagi sidang akademik pertamanya yang akan bermula pada bulan September tahun ini. Sementara itu, mutu kemudahan di Hospital Pulau Pinang akan dipertingkatkan supaya dapat menawarkan latihan klinikal kepada pelajar-pelajar ini dalam masa dua setengah tahun kemudian. Adalah dijangka bahawa teknologi maklumat atau *Information Technology* (IT) akan menjadi asas utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat pendidikan tinggi dalam negeri kita ini.

18. Selaras dengan matlamat untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai salah satu pusat perintis dalam IT dengan kadar seawal mungkin, PDC sedang merancang untuk bekerjasama dengan sektor swasta supaya melancarkan satu projek IT yang raksasa secara kerjasama. Projek ini yang dikenali sebagai PenangNet merupakan pembangunan satu infrastruktur maklumat yang superior dan satu rangkaian telekomunikasi dan komputer yang canggih. Ianya bukan sahaja akan menghubungkan Negeri Pulau Pinang kepada Lebuhraya Maklumat (*Information Superhighway*) dan Internet, tetapi akan mempunyai keupayaan untuk menjangkau semua jabatan dan agensi kerajaan, semua pertubuhan perniagaan, perindustrian dan pelancongan, semua sekolah dan institusi pendidikan, serta juga semua rumah pada akhirnya. Melalui sistem ini, rakyat negeri kita akan dapat mengamalkan sistem ekonomi digital di mana urusan perniagaan atau jualbeli akan dilaksanakan melalui *Penang Net*. Selepas persetujuan terperinci dicapai, sistem Penang Net ini dijangka akan beroperasi sebelum penghujung tahun ini. Negeri Pulau Pinang akan menjadi sebuah *Intelligent State dan Information and Business Hub* yang canggih dalam rantau ini. Rakyat Negeri Pulau Pinang akan dapat akses kepada maklumat dari seluruh dunia, dan negeri kita dapat bersaing dengan berkesan dalam pasaran dunia.
19. Untuk menyediakan generasi muda untuk menyambut Era IT ini, Kerajaan Negeri sedang bekerjasama rapat dengan Jabatan Pendidikan, sektor swasta dan persatuan-persatuan ibu-bapa dan guru untuk menubuhkan pusat-pusat sumber multi-media atau kelab-kelab komputer di semua sekolah rendah. Matlamat utama kempen ini ialah untuk mempromosikan keupayaan para pelajar menguasai ilmu komputer dan melengkapkan mereka dengan kemahiran-kemahiran asas untuk akses kepada Lebuhraya Maklumat atau *Information Superhighway* dan projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 1998.
20. Sementara itu, Kerajaan Negeri kini sedang giat mempromosikan tabiat membaca yang baik, khasnya di kalangan golongan muda. Untuk mencapai matlamat ini, kemudahan-kemudahan perpustakaan sedang dikembangkan dan dibangunkan. Perpustakaan Negeri Pulau Pinang yang baru, yang dijangka menelan perbelanjaan sebanyak RM6.5 juta, sedang dibina di Seberang Jaya. Perpustakaan daerah yang baru yang terletak di Jawi telah siap dibina dan dibuka untuk kegunaan orang ramai pada awal tahun ini. Sementara itu, sebuah perpustakaan daerah baru bagi Daerah Timur Laut, sebuah perpustakaan pekan yang baru dan dua

buah perpustakaan desa yang baru telah diluluskan bagi pelaksanaan di bawah RM-7. Banyak kegiatan yang lain, seperti bengkel-bengkel untuk mendorong kanak-kanak membaca, permainan-permainan yang ada kaitan dengan pembacaan, suatu pesta buku peringkat negeri dan bengkel-bengkel penghayatan sastera telah dirancang untuk pelaksanaan. Lebih penting lagi, para ibu-bapa dan guru harus memainkan peranan mereka dengan menggalakkan dan memandu kanak-kanak menikmati dan menghayati pembacaan.

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN PERTANIAN

21. Walaupun perindustrian dan pembandaran memang merupakan arus utama bagi ekonomi negeri kita, kawasan luar bandar dan sektor pertanian adalah tidak kurang pentingnya. Pembangunan luar bandar akan terus bertumpu kepada beberapa strategi utama, iaitu penyediaan kemudahan infrastruktur asas, penggunaan tanah secara komersial dan maksima, sistem penyampaian yang berkesan, peningkatan keberkesanan institusi, pembangunan sumber manusia, pengukuhan nilai kekeluargaan, pembangunan masyarakat berdikari, serta pembangunan lanskap desa yang lebih ceria, bersih dan menarik. Strategi-strategi ini adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar dalam semua aspek kehidupan untuk menggalakkan penduduk-penduduk supaya terus menetap dan maju di kawasan desa dan mengurangkan desakan penghijrahan ke bandar-bandar. Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti PERDA dan KEMAS akan terus memainkan peranan utama melaksanakan strategi-strategi tersebut.
22. Selaras dengan falsafah baru pembangunan negara di peringkat persekutuan, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk melaksanakan dua program utama. Yang pertama, program Gerakan Desa Wawasan yang bertujuan untuk mewujudkan masyarakat luar bandar yang berdaya tahan, berinisiatif, berilmu dan memiliki etika serta moral yang murni di samping menikmati kesejahteraan dan kualiti hidup yang lebih sempurna dan berusaha menjadikan sesebuah kampung kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan. Untuk melancarkan program tersebut di negeri ini, sebanyak 20 kampung telah dipilih bagi peringkat permulaan. Yang kedua, Program Bakti Desa sedang di peringkat perancangan untuk mendapatkan penglibatan syarikat-syarikat besar dalam mengambil kampung-kampung terpilih sebagai anak angkat syarikat-syarikat mereka.

23. Pembangunan sektor pertanian terus mendapat perhatian Kerajaan Negeri, terutamanya dalam usaha meningkatkan produktiviti pengeluaran padi menerusi projek kelompok dan peningkatan infrastruktur. Hasil padi diperolehi telah meningkat dari 3.0 metrik tan sehektar pada tahun 1990 kepada 3.5 metrik tan pada tahun 1995, dan dijangka mencapai 5.5 metrik tan di bawah RM-7. Ini akan dicapai menerusi perlaksanaan beberapa program yang baru oleh Jabatan Pertanian dan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP), seperti meningkatkan kecekapan pengurusan air di kalangan petani dan program meratakan tanah sawah. Beberapa aktiviti hiliran juga akan dimajukan pada masa hadapan, seperti pengeluaran kompos dan pengeluaran bunga awetan untuk dijadikan hiasan. Selain daripada itu, pihak IADP telah juga meneruskan usaha untuk mempertingkatkan infrastruktur di kawasan jelapang padi. Dalam perkara ini juga, sebuah rumah pam baru berharga RM10 juta sedang dibina untuk menggantikan rumah pam yang lama supaya mempertingkatkan lagi pengurusan air kepada 6,000 hektar sawah di kawasan Sungai Muda.
24. Pendaratan ikan marin di Negeri Pulau Pinang melebihi 46,000 metrik tan pada tahun 1995, iaitu peningkatan sebanyak 13 peratus berbanding dengan tahun 1994, dimana sumbangan terbesar adalah tangkapan daripada pukat tunda. Pembinaan Pelabuhan Antarabangsa Pulau Pinang LKIM di Batu Maung dengan peruntukan sebanyak RM46 juta di bawah RM-7 akan dimulakan pembinaan tidak berapa lama lagi dan dijangka siap pada tahun 1998. Ianya akan menyediakan kemudahan pendaratan bagi pengusaha laut dalam, tempatan dan antarabangsa, di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang bersesuaian kepada penduduk tempatan.
25. Sebenarnya, sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang menghadapi berbagai halangan yang semakin mencabar, terutamanya menjelang Abad 21. Memandangkan kepada peralihan struktur ekonomi yang telah banyak mengurangkan peratusan sumbangan sektor pertanian dalam ekonomi kita, maka sudah sampai masanya untuk mengadakan satu kajian semula terhadap peranan dan masa hadapan sektor pertanian dengan tujuan untuk menghasilkan satu Pelan Induk Pembangunan Pertanian yang baru bagi negeri ini. Adalah dijangkakan bahawa pada masa hadapan, pembaharuan dalam pengeluaran makanan, pemerosesan makanan, pemasaran produk pertanian dan industri hiliran pertanian akan dijadikan teras yang penting bagi meningkatkan lagi

prestasi sektor pertanian negeri ini. Pembaharuan ini termasuklah antaranya penggunaan secara meluas sistem *haidrofonik* dan sistem gudang untuk memasarkan produk-produk pertanian, selaras dengan trend pemodenan dan komersialisasi sektor pertanian.

PERUMAHAN

26. Di bawah RM-7, program pembangunan perumahan akan terus diberi perhatian, khususnya perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah untuk memenuhi keperluan perumahan yang mampu dibeli atau disewa oleh rakyat golongan berpendapatan rendah. Dalam tempoh RM-7, permintaan perumahan dijangka meningkat disebabkan pertambahan penduduk. Mengikut RM-7, keperluan perumahan Negeri Pulau Pinang dianggarkan sebanyak 36,000 unit, di antaranya 500 unit adalah perumahan rakyat termiskin, 7,000 unit rumah kos rendah dan 17,000 unit rumah kos sederhana rendah. Akan tetapi, Kerajaan Negeri berpendapat bahawa anggaran RM-7 ini yang digunakan sebagai sasaran adalah agak konservatif. Oleh itu, usaha yang lebih gigih telah dan akan terus dibuat untuk memenuhi keperluan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Dalam tempoh RM-7, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi seperti PDC, UDA, PERDA, MAIPP dan peruntukan persekutuan secara langsung telah merancang untuk membina 1,458 unit rumah untuk disewakan kepada rakyat miskin, 11,231 unit rumah kos rendah berharga tidak melebihi RM25,000 seunit, dan 3,958 unit rumah kos sederhana rendah berharga antara RM26,000 hingga RM60,000.
27. Dari angka-angka di atas, Kerajaan Negeri percaya bahawa sebahagian besar keperluan perumahan rakyat miskin akan dapat diatasi dengan siapnya 1,458 unit rumah menjelang akhir tahun 1997, yang akan disewakan kepada isirumah yang berpendapatan kurang dari RM500.00 sebulan. Pada masa ini, sebanyak 2,275 pemohon telah memohon dan akan ditemuduga untuk menentukan kesahihan maklumat yang diberikan dan untuk memastikan yang paling layak sahaja dipilih. Bagi kategori rumah kos rendah, sebanyak 5,858 unit sedang berada di beberapa peringkat pembinaan, sementara 5,373 unit lagi berada dalam peringkat perancangan untuk dilaksanakan menjelang akhir tempoh RM-7. Adalah dijangka bahawa sumbangan sektor awam ini sahaja akan melebihi sasaran mengikut RM-7.

28. Selain dari agensi-agensi awam, para pemaju swasta akan terus dikehendaki memberi sumbangan terhadap stok perumahan kos rendah melalui penguatkuasaan dasar membina sekurang-kurangnya 30 peratus rumah kos rendah. Sepanjang tahun 1995, hampir-hampir 10,000 unit kos rendah telah diluluskan pelan merancang oleh kedua-dua pihak berkuasa tempatan. Pada masa akan datang, pembekalan rumah kos rendah oleh pemaju swasta akan diawasi melalui usaha untuk meningkatkan penguatkuasaan dasar bagi memastikan tiada pemaju terlepas dari tanggungjawab membina rumah kos rendah yang disyaratkan. Oleh yang demikian, lebih kurang 35,000 unit dijangka akan disediakan di bawah dasar ini bagi tempoh lima tahun yang akan datang. Bagi perumahan kos sederhana rendah di Daerah Timur Laut, sebanyak 8,696 unit telah diluluskan pelan merancang dalam tahun 1994 dan tahun 1995. Pada masa ini, sebanyak 17 projek mengandungi 5,897 unit masih dalam pertimbangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Adalah dijangkakan pembinaan rumah kos sederhana rendah ini akan berterusan tetapi pada kadar yang lebih kecil pada masa-masa yang akan datang. Namun demikian, sasaran RM-7 sebanyak 17,000 unit rumah kos sederhana rendah dijangka akan dicapai.
29. Dengan hasrat supaya pemaju swasta dapat memberi sumbangan yang lebih besar dan bermakna, Kerajaan Negeri sedang mengkaji semula dasar sumbangan 30 peratus rumah kos rendah ini. Beberapa insentif yang boleh diberikan kepada pemaju-pemaju sedang dikaji. Dengan insentif-insentif tersebut, adalah diharapkan akan membantu para pemaju dalam melaksanakan tanggungjawab sosial mereka terhadap rakyat berpendapatan rendah tanpa terlalu membebankan mereka. Untuk memastikan rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta ini diagihkan kepada yang layak dan yang memerlukan sahaja, Kerajaan Negeri telah menggubal satu prosidur yang memerlukan pemaju-pemaju menjual unit-unit kos rendah kepada senarai pembeli yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sahaja.

PEMBANGUNAN AGAMA, MORAL, BUDAYA DAN SOSIAL

30. Pembangunan dan kemajuan yang dikecapi oleh negeri Pulau Pinang dewasa ini memang patut dibanggakan. Namun demikian, ianya telah juga membawa kesan sampingan yang negatif dalam bentuk masalah-masalah sosial seperti penagihan najis dadah, keruntuhan rumahtangga dan institusi keluarga, keruntuhan moral di kalangan generasi muda-mudi

dan sebagainya. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan dan melaksanakan langkah-langkah untuk memupuk amalan nilai-nilai murni dan kerohanian di kalangan semua lapisan masyarakat negeri Pulau Pinang berasaskan agama, adat dan tradisi dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan agama, sosio-sivik, kejiranan, belia dan wanita. Nilai-nilai tersebut akan terus menjadi komponen penting di dalam pembangunan sumber manusia di negeri ini menjelang abad ke 21 dan seterusnya.

31. Dalam hal ini, kepakaran dan ilmu yang wujud dalam agama Islam hendaklah digembelngkan bersama untuk melahirkan para cerdik pandai Islam yang sebenarnya yang berupaya memandu umat Islam bagi mencapai proses pembangunan yang berlandaskan kepada kehendak Islam. Dengan adanya asas agama yang kukuh, umat Islam bukan sahaja tidak akan mudah terpesong dengan gejala-gejala yang tidak sihat, bahkan akan dapat menjadikan Islam sebagai suatu cara hidup. Dalam merealisasikan matlamat tersebut, Kerajaan Negeri telah menubuhkan 5 buah jawatankuasa di bawah Portfolio Agama iaitu Jawatankuasa Pendidikan, kedua Jawatankuasa Pembangunan Organisasi dan Hartanah, ketiga Jawatankuasa Dakwah dan Pembangunan Insan, keempat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penguatkuasa serta kelima Jawatankuasa Pembangunan Qaryah.
32. Selain daripada itu, sistem Pentadbiran Agama Islam di peringkat Negeri yang selama ini diterajui oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang kini sedang disusun semula dan diperkemaskan dengan penubuhan dua Jabatan baru iaitu Jabatan Mufti dan Institusi Mahkamah Syariah. Jabatan Mufti akan berfungsi untuk menasihati Majlis Agama Islam dalam sebarang permasalahan yang memerlukan Fatwa Islam meliputi semua aspek termasuk aqidah, syariah, ibadah khusus, sosial, ekonomi, kewangan dan isu-isu semasa. Manakala penubuhan Institusi Mahkamah Syariah yang merangkumi Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan mempunyai matlamat untuk mewujudkan sistem kehakiman Islam yang teratur dan berkesan serta menguatkuasa dan melaksanakan undang-undang Islam berdasarkan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993.
33. Kerajaan Negeri juga dalam rancangan jangka panjangnya telah meluluskan supaya setiap Daerah Pentadbiran Agama Islam di negeri ini mewujudkan sebuah masjid daerah masing-masing yang akan berfungsi sebagai Pusat Pentadbiran Masjid bagi Masjid-masjid Qaryah yang sedia ada. Sebagai langkah sulung, Masjid Daerah Seberang

Perai Selatan telah mula dibina pada awal tahun 1995 dan siap sepenuhnya pada awal tahun 1996. Selain daripada pembangunan Masjid-masjid Daerah, Kerajaan Negeri juga tidak mengabaikan urusan pengendalian dan penyelenggaraan Masjid-masjid Qaryah yang telah uzur, dan dhaif serta pembangunan dan peningkatan mutu Sekolah-Sekolah Agama Rakyat di negeri ini supaya setanding dengan sekolah-sekolah yang lain.

34. Selain daripada langkah-langkah penyusunan semula pentadbiran tersebut, beberapa projek besar juga sedang dirancang bertujuan untuk memajukan umat Islam dalam pembangunan hartanah, kepakaran teknikal dan pendidikan professional yang mencakupi dunia dan akhirat. Hal ini akan melibatkan sebanyak 17 urusan pengambilan tanah untuk projek-projek seperti projek pembinaan Kompleks Islam di Pongsu Seribu, projek perumahan di kawasan Teluk Ayer Tawar dan Kuala Bekah, penubuhan Pusat Pengajian Falak yang moden, Akademi Pengajian Islam bertaraf Kolej Antarabangsa dan Maahad Al-Mashor Al-Islami di Daerah Balik Pulau. Projek-projek ini diharap akan dapat membantu Kerajaan Negeri mencapai misinya iaitu untuk melahirkan masyarakat Islam yang bukan hanya maju dalam bidang ekonomi, tetapi juga mempunyai kekuatan kerohanian yang teguh dan sikap yang positif.

KEBUDAYAAN, SUKAN, BELIA DAN WANITA

35. Kebudayaan dan kesenian merupakan satu aspek penting bagi masyarakat kita yang akan menjadi warisan kepada generasi muda dan memupuk identiti nasional, di samping menjadi satu penarikan yang mempersonakan bagi para pelancong. Majlis Kebudayaan Negeri telah dihidupkan semula dan beberapa program telah dirancang dan akan terus dilaksanakan. Mulai tahun ini, bulan Ogos telah ditetapkan sebagai Bulan Kebudayaan sempena perayaan Hari Kebangsaan dengan berbagai acara. Satu projek yang dinamakan Muzik Ke Desa dilancarkan dengan tujuan melatih, sebagai permulaan, seramai 100 orang kanak-kanak dari setiap daerah, khasnya kawasan luar bandar, dengan sumbangan violin dari pihak swasta. Disamping itu, beberapa bengkel dan kursus kebudayaan dan kesenian akan dilancarkan untuk menarik dan mempertingkatkan minat orang ramai, khasnya kaum belia, dalam warisan budaya kita, seperti boria, penulisan, asas-asas lakunan dan tarian-tarian tradisional. Satu Tabung Koleksi Lukisan bagi Galeri Negeri telah menerima sambutan yang baik dan dapat menambahkan simpanan karya para pelukis tempatan untuk pameran awam.

36. Kerajaan Negeri memang penuh sedar akan betapa pentingnya peranan sukan dalam proses pembangunan negara. Usaha akan diteruskan untuk membantu dan menggalakkan pertumbuhan- pertumbuhan sukan dalam Negeri ini melalui peruntukan dan sokongan supaya memupuk budaya dan semangat kesukanan, khasnya di kalangan generasi muda. Stadium tertutup yang dibangunkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dijangka siap mengikut jadual pada pertengahan tahun hadapan, manakala stadium terbuka di Batu Kawan sedang dalam proses perancangan dan dijangka siap menjelang penghujung tahun 1999. Disamping itu, beberapa kemudahan sedang dibangunkan di Tapak Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini, Negeri Pulau Pinang bersedia menjadi hos SUKMA pada tahun 2000.
37. Belia merupakan bakal penggerak wawasan negara kita. Berbagai program di bawah Rancangan Rakan Muda telah dan akan terus dilancarkan dalam negeri ini ke arah menterjemahkan potensi generasi muda ke tahap tertinggi selaras dengan tuntutan arus perdana pembangunan negara. Sekaligus pula, rancangan ini diharap akan membina generasi belia yang berdisiplin, bersatupadu dan mempunyai daya tahan serta ketrampilan menguasai cabaran demi mengangkat maruah, martabat dan peradapan negara disamping menyelesaikan masalah-masalah sosial di kalangan belia. Di bawah RM-7, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Pusat Rakan Muda akan dibina di Negeri Pulau Pinang dengan menyediakan kemudahan-kemudahan yang lengkap untuk pelbagai kegiatan dan latihan belia.
38. Wanita telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan Pulau Pinang, terutamanya sebagai tenaga kerja di dalam sektor perindustrian. Keadaan gunatenaga penuh di Negeri ini pada masa ini membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak untuk disertai oleh golongan wanita. Kerajaan akan terus memberi galakan dan sokongan kepada pertumbuhan-pertumbuhan wanita untuk mendorong penyertaan wanita dalam program- program latihan secara lebih aktif supaya lebih ramai wanita dapat menjawati pekerjaan-pekerjaan pengurusan dan profesional yang bertaraf tinggi. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri sedang menimbangkan beberapa langkah untuk meringankan bebanan golongan wanita yang bekerja, termasuk menggalakkan lebih banyak pusat asuhan kanak-kanak disediakan oleh majikan berkenaan. Kerajaan Negeri juga peka kepada masalah kekeluargaan yang kian meningkat berikutan penyertaan wanita sebagai tenaga kerja. Kerajaan Negeri akan mewujudkan Pusat Khidmat Wanita dan Pusat

Perlindungan Wanita yang bertujuan untuk memberi khidmat bantuan dan perlindungan sewajarnya kepada wanita yang memerlukan.

PERANCANGAN BAGI KUALITI HIDUP

39. Kerajaan Negeri akan selalu berhubung rapat dengan Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta dalam suatu usahasama bertiga bagi mengatasi masalah-masalah dan menghadapi cabaran-cabaran masa depan supaya mengekalkan proses pembangunan. Selain daripada berbagai majlis perundingan, seperti Majlis Perindustrian Pulau Pinang, Majlis Perdagangan dan Majlis Pembangunan Sumber Manusia, suatu siri seminar mengenai isu-isu sosio-ekonomi dan alam sekitar telahpun dilancarkan baru-baru ini oleh Jawatankuasa Perancangan Ekonomi Negeri. Ianya berfungsi sebagai forum bagi pertukaran pendapat antara sektor awam dan sektor swasta serta sebagai suatu saluran untuk cadangan-cadangan yang membina dirangkumi dalam penggubalan dasar baru. Kertas kerja-kertas kerja yang telah dibentangkan dalam seminar-seminar ini akan diterbitkan dalam bentuk prosiding persidangan untuk diedarkan kepada ahli-ahli perniagaan dan badan-badan ikhtisas supaya menggalakkan perbincangan yang lebih mendalam, menggabungkan semua pendapat dan menggalakkan penyertaan yang lebih aktif dan kerjasama yang lebih erat.
40. Bagi mendapatkan petunjuk-petunjuk kuantitatif dan kualitatif yang lebih tepat mengenai keadaan ekonomi dan sosial negeri ini, suatu pasukan penyelidik telah ditubuhkan bagi memonitorkan trend-trend serta cabaran-cabaran dan ancaman-ancaman terhadap prestasi ekonomi masa depan Pulau Pinang. Pasukan ini akan juga menjalankan kaji selidik terhadap pandangan, perasaan dan aspirasi atau hasrat mereka yang terlibat dalam berbagai sektor di negeri ini. Kesemua ini merupakan usaha kita untuk mengesan tanda-tanda awal tentang kemelesetan ekonomi atau hakisan daya saingan yang bakal boleh berlaku pada masa depan agar kita dapat seterusnya membuat persiapan yang memadai, sesuai dan kena pada masanya untuk menangani segala pembangunan yang negatif. Maklumbalas ini akan dapat membantu Kerajaan dalam kajian semula Pelan Pembangunan Strategik Pulau Pinang yang sedang dijalankan.
41. Suatu aspek perancangan lagi adalah berkaitan dengan perancangan bandar dan desa yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan. Selain daripada menjadi negeri pertama melaksanakan sepenuhnya Akta Perancangan Bandar dan

Desa, Negeri Pulau Pinang ialah juga salah satu di antara negeri-negeri yang paling pesat diperbandarkan, dengan sektor pembinaan dan pasaran harta-benda negeri ini mengalami kadar pertumbuhan yang amat pesat dan rancak. Oleh sebab itu, negeri ini adalah terdapat dalam barisan depan dari segi menghadapi beberapa isu yang mencabar, seperti pembangunan semula premis-premis kawalan sewa, pemuliharaan bangunan-bangunan warisan, kepadatan dan bentuk yang sesuai untuk pembangunan masa depan, pengurusan lalu lintas, pengurusan sisa-sisa dan sebagainya.

42. Kedua-dua pelan struktur Pulau Pinang dan Seberang Perai, yang telah dirumuskan pada penghujung lapan puluhan, kini telah didapati ketinggalan perkembangan-perkembangan yang baru. Suatu kajian semula kedua-dua pelan ini, yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan kedua-dua majlis perbandaran, sedang dijalankan dan dijangka siap awal tahun depan. Selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, pelan-pelan struktur yang baru ini akan dikemukakan untuk pameran dan pendengaran awam, bersama-sama dengan tujuh pelan tempatan, iaitu bagi Telok Bahang, Batu Ferringhi, Tanjung Bunga, Tanjung Tokong, Bukit Bendera, Butterworth dan Bukit Mertajam. Di bawah RM-7, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan bagi penyediaan pelan tempatan, dengan keutamaan diberikan kepada kawasan-kawasan bandar yang penuh sesak, seperti Georgetown, Paya Terubong, Bayan Baru dan juga kawasan-kawasan desa seperti Kampong Pinang Tunggal, Kampong Rusa dan Kampong Besar.
43. Keadaan alam sekitar yang bersih dan sihat adalah amat penting untuk mempertingkatkan mutu hidup rakyat jelata. Oleh itu, usaha kita ingin mempertahankan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat tidak sepatutnya mengabaikan pertimbangan-pertimbangan alam sekitar. Untuk tujuan ini, Kerajaan Negeri akan memastikan faktor-faktor alam sekitar dirangkumi di dalam proses perancangan dengan menggunakan peraturan-peraturan tertentu bagi mengawal pembangunan di lereng bukit, menyediakan ruang-ruang terbuka di taman-taman perumahan; melarang pembangunan di tanah-tanah lembab dan menghadkan ketinggian bangunan di kawasan-kawasan tertentu. Pembangunan perumahan dan perindustrian yang pesat telah mengakibatkan kekurangan kawasan takungan dan menambahkan lagi aliran air permukaan yang seterusnya menambahkan bebanan kepada sistem sungai dan perparitan kita dan menyebabkan berlakunya banjir. Keadaan ini menjadi lebih buruk dengan sampah-sarap yang dibuang sewenang-wenangnya. Untuk mengatasi masalah ini,

kerjasama sektor swasta, terutamanya pemaju-pemaju adalah penting untuk mengambil daya usaha bagi memastikan bahawa sistem perparitan di sesuatu kawasan adalah disediakan dengan sempurna. Satu kempen membersihkan sistem Sungai Pinang dan Sungai Rambai akan juga dilancarkan pada bulan Jun yang akan melibatkan penyertaan orang awam atau orang ramai secara bergotong-royong. Perancangan dan pemuliharaan alam sekitar akan diperkemaskan lagi apabila Majlis Alam Sekitar ditubuhkan untuk mengembelikan pendapat dan sumbangan daripada pelbagai pihak mengenai kaedah-kaedah melindungi alam sekitar secara yang lebih berkesan. Disamping itu, penggunaan sistem maklumat geografi (GIS) akan diperluaskan dan dipertingkatkan supaya pertimbangan-pertimbangan alam sekitar dapat dirangkumi dengan lebih berkesan ke dalam perancangan pembangunan pada masa akan datang.

44. Negeri Pulau Pinang baru sahaja mengalami wabak taun dan saya rasa berbangga dengan tindakan segera yang diambil oleh semua jabatan yang berkenaan untuk mengawal keadaan. Kejadian ini mengingatkan semua jabatan supaya hendaklah sentiasa berhati-hati mengawasi keadaan kesihatan rakyat. Ianya juga jelas menunjukkan betapa pentingnya tabiat kebersihan sentiasa diutamakan dan dijamin oleh setiap penduduk Negeri, terutamanya para pengendali makanan dan minuman di restoran-restoran, kedai-kedai makan, kantin-kantin sekolah serta gerai-gerai penjaja, supaya kesihatan kita semua lebih terjamin. Pihak Berkuasa Tempatan bersama-sama dengan jabatan berkaitan hendaklah lebih tegas dalam menguatkuasakan undang-undang yang perlu untuk menanam perasaan tanggungjawab oleh semua pihak terhadap kebersihan. Semua pengusaha premis diminta janganlah lalai dan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan kebersihan dalam menguruskan pembuangan sampah dan menjaga kebersihan kawasan. Kita mestilah komited kepada gaya hidup yang bersih dan sihat sebelum kita boleh menjadi negara yang benar-benar maju.

PENTADBIRAN KERAJAAN DAN PEMBIAYAAN AWAM

45. Kerajaan Negeri sememangnya prihatin terhadap kemampuan jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat jelata. Dalam perkara ini, pelbagai usaha sedang diambil untuk mempertingkatkan keupayaan jabatan dan agensi kerajaan. Ini termasuk beberapa projek pengkomputeran yang sedang dilaksanakan dalam bidang perakaunan dan bidang pentadbiran tanah. Di samping itu, latihan pengkomputeran di kalangan pegawai-pegawai akan

dipergiatkan lagi untuk membolehkan mereka menguasai ilmu komputer supaya dapat mempertingkatkan produktiviti. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri akan terus berusaha mengambil tindakan yang perlu untuk memperbaiki persekitaran kerja dan suasana hidup kakitangan menerusi penyediaan kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan bilangan kuarters kerajaan yang lebih banyak.

46. Kerajaan Negeri juga sentiasa memastikan bahawa kakitangannya adalah lebih berakuntabiliti dalam memberi perkhidmatan secara berterusan. Berdasarkan kepada aduan-aduan yang diterima menerusi Biro Pengaduan Awam dan juga maklumbalas daripada pelbagai sumber, Kerajaan sedar bahawa lebih banyak usaha perlu diambil oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi negeri, termasuk kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan untuk memperkemaskan lagi proses pemberian perkhidmatan. Pelaksanaan ISO 9000 dalam perkhidmatan awam di peringkat Negeri Pulau Pinang sedang dirancang berdasarkan garis panduan yang akan diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan standard ini nanti akan memastikan kualiti perkhidmatan sesebuah organisasi dapat memenuhi kehendak-kehendak pelanggan.
47. Kerajaan Negeri sentiasa menerima permohonan dan permintaan dari beberapa pihak untuk melaksanakan berbagai projek pembangunan bagi kawasan masing-masing. Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk memenuhi segala permintaan tersebut, tetapi menghadapi kesulitan kewangan, memandangkan bahawa sumber pendapatan Kerajaan Negeri adalah sangat terhad. Namun demikian, Kerajaan Negeri agensi-agensi Kerajaan Persekutuan supaya dapat meneruskan dan menyempurnakan pelaksanaan projek pembangunan yang telah diluluskan di dalam tempoh RM-7 supaya mengikut jadual. Agensi-agensi Kerajaan Negeri, seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Pihak Berkuasa Air (PBA) serta dua buah majlis perbandaran akan juga menambahkan sumbangan mereka terhadap pembangunan infrastruktur asas di tempat-tempat yang tertentu. Di samping itu, Kerajaan Negeri akan berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan peruntukan tambahan dari masa ke semasa bagi menampung keperluan kewangan projek-projek pembangunan yang tertentu. Kerjasama dengan sektor swasta dalam bidang pembangunan ekonomi juga akan diperhebatkan untuk membolehkan Negeri Pulau Pinang mengekalkan pertumbuhannya sebagaimana dihasratkan oleh Kerajaan dan rakyat Negeri ini.

KESIMPULAN

48. Adalah jelas bahawa kemajuan yang tercapai selama ini adalah hasil dari sumbangan dan kerjasama semua pihak. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada para pegawai dan semua anggota dalam perkhidmatan polis dan tentera, jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, badan-badan berkanun dan majlis-majlis perbandaran di negeri ini atas dedikasi, ketekunan dan sumbangan mereka terhadap proses pembangunan negeri. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin masyarakat, pekerja-pekerja sosial dan organisasi-organisasi sosio-sivik atas usaha mereka yang berterusan untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah negeri yang lebih selesa untuk semua.
49. Saya sentiasa berdoa kepada Allah Subhanallahu Wataala agar melimpahkan kurnia dan petunjukNya kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh komitmen kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Dengan limpah kurniaNya dan kerjasama yang erat oleh semua pihak, terutamanya rakyat Pulau Pinang, saya yakin bahawa Negeri Pulau Pinang akan terus mengecapi kejayaan pembangunan ekonomi selaras dengan matlamat Wawasan 2020. Insya Allah.
50. Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Speaker

Ahli-ahli Yang Berhormat, para hadirin sekalian, Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan akan meninggalkan Dewan ini sebentar lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk bergambar bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama. Ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan sehingga esok 28 Mei 1996 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.